



12 Jun 2015  
12 June 2015  
P.U. (A) 120

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (KETIDAKPAKAIAN PENGGAL 5 BAHAGIAN VI) (DANA BORONG) (PINDAAN) 2015

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (NON-APPLICATION  
OF DIVISION 5 OF PART VI) (WHOLESALE FUND)  
(AMENDMENT) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (KETIDAKPAKAIAAN  
PENGAL 5 BAHAGIAN VI) (DANA BORONG) (PINDAAN) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 315 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian VI) (Dana Borong) (Pindaan) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2015.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian VI) (Dana Borong) 2012 [P.U. (A) 477/2012] dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

**“Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian VI Akta**

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), peruntukan Penggal 5 Bahagian VI Akta tidak terpakai berkenaan dengan apa-apa terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, apa-apa unit berhubung dengan sesuatu dana borong—

(a) yang ditubuhkan dengan Suruhanjaya di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan

(b) yang dibuat oleh seseorang kepada pelabur yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 6 atau 7 Akta.